


MODUL 4 : DASHBOARD AKADEMIK

Dashboard Akademik merupakan halaman utama yang dipaparkan selepas pengguna berjaya log masuk ke dalam sistem TrackNGo. Dashboard ini menyediakan capaian pantas kepada semua modul utama mengikut peranan pengguna serta memaparkan ringkasan maklumat sistem.

Melalui dashboard ini, pengguna boleh mengakses fungsi-fungsi utama hanya dengan satu klik tanpa perlu melalui menu yang kompleks.



Bil	Menu / Modul	Keterangan
1	Daftar Kehadiran	Digunakan untuk merekodkan kehadiran peserta ke program menggunakan pengesahan lokasi (GPS) mengikut tetapan program.
2	Jejak Peribadi	Membolehkan pengguna melihat sejarah penyertaan program, rekod kehadiran serta status sijil yang pernah diperoleh.
3	Urus Program PIC (Rujuk Modul 4.1)	Digunakan oleh Pegawai Bertanggungjawab (PIC) untuk mewujudkan program baharu, memantau kehadiran peserta dan menjana laporan / maklumbalas program.
4	Template e-Sijil (Rujuk Modul 4.3)	Membolehkan pengguna mengurus reka bentuk serta templat e-Sijil Khas yang akan digunakan semasa proses penjanaaan sijil digital.
5	e-Sijil Khas (Rujuk Modul 4.2)	Digunakan untuk mengurus pengeluaran sijil khas seperti sijil penghargaan, penceramah, urus setia dan kategori khas yang tidak menggunakan templat sijil biasa.
6	Survey Hebahan	Menyediakan capaian kepada modul soal selidik dan hebahan bagi mendapatkan maklum balas peserta serta menyampaikan maklumat berkaitan program.
7	Log Keluar	Menamatkan sesi penggunaan sistem dengan selamat dan mengembalikan pengguna ke halaman log masuk.